

18 APR 2001

Fong-MTUC

KSU KEMENTERIAN JUMPA MTUC DAN CUEPACS ESOK

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia Datuk Dr Syed Muhamad Syed Abdul Kadir akan bertemu pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) bagi membincangkan rancangan kesatuan itu untuk berpiket pada 12 Mei ini.

Menteri berkenaan Datuk Fong Chan Onn hari ini berkata kementerian bukan bertindak sebagai orang tengah tetapi merupakan sebahagian daripada kerajaan dan akan saling membantu antara satu sama lain bagi menyelesaikan masalah itu.

Pertemuan itu dijadualkan pada 11 pagi di kementerian berkenaan di Pusat Bandar Damansara.

"Kalau ada cara penyelesaian, memang kami akan cuba membantu antara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan MTUC ... kita tunggu esok.

"Kita sentiasa ada peluang berbincang untuk mereka dan kita mengamalkan dasar pintu terbuka. Saya harap MTUC menggunakan semangat yang sama untuk itu. Tak payah piketlah," katanya kepada pemberita mengulas perkembangan terkini mengenai perkara berkenaan selepas mempengerusikan mesyuarat peringkat kementerian itu di sini.

Sebelum ini, MTUC bercadang mengadakan piket di semua pejabat KWSP di seluruh negara kerana mendakwa kumpulan itu tidak menjaga kebajikan pencarumnya selain tidak berpuashati dengan prestasi mereka (KWSP).

Sementara itu, Presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata MTUC akan menghadiri mesyuarat esok dengan hati terbuka walaupun beliau tidak pasti apa agenda mesyuarat berkenaan.

"Kita bersedia mendengar apa jua perkara yang akan dikemukakan untuk dibincangkan," katanya kepada Bernama.

Presiden Cuepacs N. Siva Subramaniam juga mengesahkan bahawa kongres itu turut dijemput menghadiri perjumpaan dengan kementerian esok.

Sebelum ini, Setiausaha Agung MTUC G. Rajasekaran dipetik sebagai berkata piket itu akan disertai oleh 230 persatuan gabungan membabitkan 500,000 orang yang akan turut menyerahkan memorandum mengandungi lima perkara yang menjadi asas kepada piket itu.

Tiga daripada lima perkara utama yang menjadi asas ialah pelaksanaan Skim Anuiti, pembayaran dividen sebanyak enam peratus yang terendah dalam tempoh 26 tahun, dan pengurangan mendadak dalam pemberian jumlah Faedah Kematian dan Hilang Upaya.

Piket itu, yang dicadangkan pada 12 Mei ini, merupakan hari penting kementerian kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan Perhimpunan Hari Pekerja tahun ini.

-- BERNAMA

SHS AHH LAT